

<b>Headline</b>	<b>Pengurus TNB hadapi 13 pertuduhan</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Kosmo</b>		
<b>Date</b>	<b>14 Oct 2016</b>	<b>Language</b>	<b>Malay</b>
<b>Circulation</b>	<b>197,202</b>	<b>Readership</b>	<b>875,000</b>
<b>Section</b>	<b>Negara</b>	<b>Page No</b>	<b>15</b>
<b>ArticleSize</b>	<b>308 cm<sup>2</sup></b>	<b>Journalist</b>	<b>NOR AFIQAH MAT</b>
<b>PR Value</b>	<b>RM 23,979</b>		



Tertuduh tidak mengaku salah terlibat pengubahan wang haram, rasuah

# Pengurus TNB hadapi 13 pertuduhan

Oleh NOR AFIQAH MAT NOR

**KOTA BHARU** – Seorang pengurus Tenaga Nasional Berhad (TNB) cawangan Kota Bharu didakwa di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas 13 pertuduhan membabitkan aktiviti pengubahan wang haram dan memperoleh rasuah dengan nilai keseluruhan berjumlah RM125,200 pada tiga tahun lalu.

Tertuduh, Arman Che Othman, 47, bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan selepas kesemua pertuduhan ke atasnya dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Azri Ismail.

Mengikut pertuduhan pertama dan kedua, Arman didakwa telah melibatkan diri dalam aktiviti pengubahan wang haram iaitu menggunakan wang keseluruhan berjumlah RM64,200 daripada akaun milik KS Maju Solution yang mana ia merupakan hasil aktiviti haram.

Tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu di Public Bank cawangan Wakaf Siku, Jalan Sultan Yahya Petra di sini antara 18 September 2013 hingga Oktober 2014.

Kedua-dua pertuduhan itu dilakukan mengikut Seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM5 juta atau dipenjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Bagi pertuduhan ketiga hingga 13 pula, tertuduh didakwa memperoleh suapan berjumlah RM61,000 ketika menjadi pengurus TNB cawangan Tanah Merah daripada Syarikat Azam Jaya Enterprise sebagai upah telah meluluskan laporan kerja-kerja kontrak dan penyelenggaraan di Public Bank Tanah Merah, Wakaf Siku dan Kota Bharu di sini antara Februari 2013 hingga Julai 2014.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 atau mana-mana

yang lebih tinggi jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Bahagian Perundangan dan Pendakwaan SPRM, Mohd Asnawi Abu Hanipah dan Shahidah Muslimah Roslan manakala tertuduh diwakili peguam bela, Datuk Shukri Mohamed.

Azri kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM40,000 dengan seorang penjamin untuk kesemua pertuduhan selain mengarahkan pasport antarabangsa diserahkan kepada mahkamah. Tertuduh membayar jumlah ikat jamin tersebut.

Mahkamah turut menetapkan 15 November depan sebagai tarikh sebutan semula kes.



KERATAN Kosmo! 17 Ogos 2016.



ARMAN menutup mukanya ketika diiringi anggota polis selepas dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kota Bharu semalam atas 13 pertuduhan terlibat aktiviti pengubahan wang haram dan rasuah berjumlah RM125,200 tiga tahun lalu.